

**MINORITY SHAREHOLDERS WATCHDOG GROUP**  
**BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD**  
(Incorporated in Malaysia – Registration No.: 200001022382 (524989-M))

Berita Harian - Bisnes – Khamis, 6 Februari 2020

## SC keluar senarai semak panduan AGM

**Suruhanjaya Sekuriti Malaysia** (SC) semalam mengeluarkan Senarai Semak Tadbir Urus Korporat Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) untuk Pemegang Saham (Senarai Semak AGM CG).

Ia bagi menggalakkan perbincangan bermakna antara pemegang saham dan lembaga pengarah ketika AGM.

Senarai Semak AGM CG dibangunkan dengan kerjasama Majlis Pelabur Institusi Malaysia dan Badan Pemerhati Pemegang Saham Minoriti, menurut SC dalam kenyataannya.

Mesyuarat agung adalah platform penting bagi pengarah dan pengurusan kanan untuk mengadakan pembabitan bersama pemegang saham dalam memudahkan pemahaman terhadap perniagaan, tadbir urus dan prestasi syarikat.

Oleh itu, SC berkata, Hasil yang diinginkan daripada Amanan 12 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia adalah pemegang saham berupaya mengambil bahagian, mengadakan pembabitan bersama lembaga dan pengurusan kanan dengan berkesan dan membuat keputusan mengundi yang bermaklumat ketika menghadiri mesyuarat agung.